



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA**  
**NEGERI SEMBILAN**

=====

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA**  
**SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2022**

---

---

**PRINSIP PERAKAUNAN**

**Kertas 2**

Dua jam tiga puluh minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
4. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
5. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian baru.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

2 halaman tidak bercetak.

**Bahagian A**  
[60 markah]  
*Jawab semua soalan*

1(a) Berikan dua entiti perniagaan yang menanggung liabiliti tidak terhad.

[2 markah]

(b) Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Mokhtar pada 31 Julai 2022.

	RM
Akaun Belum Terima	7 500
Akaun Belum Bayar	3 600
Overdraf bank	2 800
Sewa belum terima	2 300
Jualan belum terperolehi	1 500
Inventori	2 500

Hitung modal Perniagaan Mokhtar pada 31 Julai 2022 menggunakan persamaan perakaunan.

[2 markah]

(c) Imbangan Duga Sofian Enterprise pada 31 Julai 2022 adalah seimbang. Maklumat berikut merupakan kesilapan yang telah di kesan.

- (i) Bayaran insurans RM560 tersalah rekod dalam Akaun Gaji.
- (ii) Jualan barang niaga sebanyak RM800 kepada Perniagaan Anuar belum direkodkan dalam mana-mana buku.

Nyatakan jenis kesilapan tidak ketara tersebut.

[2 markah]

(d) Butiran perabot bagi Perniagaan Izzati adalah seperti berikut:

	1 Januari 2021	31 Disember 2021
	RM	RM
Perabot	15 000	18 500

Pada 1 Julai 2021, Perniagaan Izzati telah membeli perabot baharu bernilai RM6 000.  
Kira susut nilai perabot pada 31 Disember 2021.

[2 markah]

(e) Perkongsian Jamal dan Jamil bersetuju membubarkan perniagaan pada 31 Disember 2021. Kenderaan bernilai RM22 800 telah diambil alih oleh pekongsi Jamal. Tunjukkan catatan jurnal untuk merekod urus niaga tersebut. (keterangan tidak diperlukan).

[2 markah]

- 2 Kelab Sukan Taman Villa Heights yang beroperasi di Senawang, Seremban telah menjalankan perniagaan menjual minuman untuk menambah dana.

Maklumat berikut menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi Kelab Sukan Taman Villa Heights bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

<b>Penerimaan:</b>	<b>RM</b>
Yuran ahli	16 400
Yuran pertandingan futsal	7 850
Jualan minuman	20 360
Derma	8 500
<b>Pembayaran:</b>	
Belanja membaikiengkapan	2 600
Belian minuman	7 820
Kadar bayaran	2 980
Hadiah pertandingan futsal	4 350
Upah pembantu kedai	2 500
Insurans	2 300
Lengkapan	5 000
Belanja am	700
Akaun Belum Bayar	4 630

Maklumat tambahan :

- (i) Baki-baki aset dan liabiliti adalah seperti berikut :

	<b>1 Januari 2021</b>	<b>31 Disember 2021</b>
Premis	151 000	151 000
Lengkapan	9500	12 160
Inventori minuman	3 020	4 200
Tunai di bank	7 850	?
Yuran belum terima	200	100
Yuran belum terperoleh	300	50
Akaun Belum Bayar	2 500	3 450
Belanja am prabayar	100	150
Kadar bayaran belum bayar	105	85

- (ii) Kadar bayaran sebanyak RM280 adalah untuk kedai minuman.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Yuran Ahli [4 *markah*]
- (b) Akaun Perdagangan Kedai Minuman bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 [5 *markah*]
- (c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021  
(Tunjukkan untung pertandingan futsal) [9 *markah*]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 [7 *markah*]

- 3 Imbangan Duga berikut diambil daripada buku Aina Trading, sebuah perniagaan menjual pakaian kanak-kanak di Seremban.

Aina Trading Imbangan Duga pada 30 Jun 2022		
	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Julai 2021		53 090
Ambilan	570	
Belian dan Jualan	12 050	18 450
Gaji	3 980	
Insurans	390	
Utiliti	200	
Komisen		300
Angkutan masuk	330	
Pulangan	350	
Diskaun	240	
Bank		1 300
Hutang lapuk	430	
Perabot	7 900	
Inventori 1 Julai 2021	5 120	
Alatan Pejabat	8 000	
Susut nilai terkumpul Alatan Pejabat		1 520
Sewa		4 680
Premis	40 000	
Akaun Belum Terima	5 500	
Akaun Belum Bayar		5 600
Peruntukan hutang ragu		120
	<u>85 060</u>	<u>85 060</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 Jun 2022 dinilai sebanyak RM6 850 pada harga kos dan RM6 250 pada harga pasaran.
- (ii) Gaji pemilik belum dibayar RM2 000.
- (iii) Ambilan barang niaga RM100 setiap bulan belum direkod dalam mana-mana buku.
- (iv) Deposit sewa yang diterima dari penyewa berjumlah RM1 000 telah dikreditkan dalam Akaun Sewa.
- (v) Alatan Pejabat disusut nilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (vi) Perabot dibeli pada 1 Januari 2022 dan akan digunakan untuk tempoh 5 tahun.
- (vii) Terima cek RM430 dari pelanggan yang hutangnya telah dihapuskan.
- (viii) Selaraskan peruntukan hutang ragu sebanyak 5% atas baki Akaun Belum Terima.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2022 [14 *markah*]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2022 [11 *markah*]

**Bahagian B**

[40 markah]

*Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

- 4(a) Elly dan Liza adalah pekongsi dalam Perkongsian Eliza yang berkongsi untung atau rugi mengikut nisbah 2:3.

Butir-butir berikut diambil daripada buku perkongsian mereka pada 31 Disember 2021:

	RM
Kenderaan	30 000
Akaun Belum Terima	13 780
Modal pada 1 Januari 2021:	
Elly	40 000
Liza	50 000
Akaun Semasa pada 1 Januari 2021:	
Elly	2 690
Liza	950 (debit)
Ambilan oleh Liza pada 1 Julai 2021	2 200
Bank	35 205
Gaji Liza	4 500
Pinjaman Elly	15 000
Untung Bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2021	20 000

Maklumat tambahan:

- Faedah 10% setahun dibayar atas modal tetap.
- Ambilan oleh pekongsi dikenakan faedah 5% setahun.
- Liza menerima gaji RM500 sebulan.
- Faedah atas Pinjaman Elly 8% setahun belum diambil kira.

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- (i) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 [4 markah]
- (ii) Akaun Semasa setiap pekongsi [6 markah]

4(b) Pada 10 Januari 2021, Syarikat Maxima Berhad telah menerbitkan 500 000 unit 6% Syer Keutamaan bernilai RM1.00 sesyer dan 2 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM 0.50 sesyer kepada orang awam.

Pada 31 Januari 2021, semua 6% Syer Keutamaan telah dilanggan dan dibayar penuh.

Hanya 1 500 000 unit Syer Biasa telah dilanggan dan dibayar penuh.

Pada 31 Disember 2021, Syarikat Maxima Berhad telah berjaya memperoleh keuntungan sebanyak RM850 000.

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, Lembaga Pengarah Syarikat Maxima Berhad telah mengisytiharkan dividen 6 sen seunit bagi Syer Biasa.

**Anda dikehendaki:**

(i) menyediakan Akaun Permohonan Syer Biasa, Akaun Modal Syer Biasa dan Akaun Bank bagi menunjukkan penerimaan dari Syer Biasa [5 markah]

(ii) mengira dividen akhir bagi 6% Syer Keutamaan dan Syer Biasa [4 markah]

Terdapat perbezaan pada Syer Biasa yang diterbitkan dengan yang telah dilanggan dan dibayar penuh.

(iii) Apakah penyelesaian kepada situasi ini? [1 markah]



- 5(a) Nasrul Enterprise telah menjalankan perniagaan kedai kraftangan di Nilai, Negeri Sembilan. Baki Buku Tunai Nasrul Enterprise pada 1 Mei 2022 adalah seperti berikut :

Tunai di tangan	RM2 550
Tunai di bank	RM3 450 (kredit)

Maklumat berikut adalah berkaitan dengan urus niaga tunai dan bank yang berlaku sepanjang bulan Mei 2022:

- Mei 2 Jualan tunai dibankkan sebanyak RM1 620.
- 5 Jualan barang niaga kepada Rita dan terima cek RM300.
- 7 Deposit tunai ke dalam bank bernilai RM850.
- 13 Terima cek RM1 534 daripada Kedai Sinar bagi menjelaskan hutangnya bernilai RM1 600.
- 15 Ambil tunai dari pejabat untuk belian barang niaga bernilai RM1 600.
- 19 Terima komisen tunai dengan RM870.
- 22 Beli komputer daripada Kedai Komputer Zaki bernilai RM1 200 dengan cek.
- 30 Membayar gaji bernilai RM2 000 dengan cek.

**Anda dikehendaki** menyediakan Buku Tunai untuk mencatat urus niaga bagi bulan berkenaan.

[12 markah]

- 5(b) Berikut adalah Penyata Bank yang diterima oleh Restoran Irfan pada 31 Ogos 2022. Didapati bahawa baki akhir di Buku Tunai adalah berbeza dengan baki di Penyata Bank.

<b>Bank Viva Berhad</b> No 23, Jalan Bahagia, 71150 Rembau Negeri Sembilan				
Restoran Irfan Lot 17 Kompleks Perniagaan Maluri, Taman Maluri, 71150 Rembau			Tarikh : 31 Ogos 2022 No Akaun : 1423-020-34128	
Tarikh	Butiran	Debit	Kredit	Baki
2022		RM	RM	RM
Ogos 1	Baki b/b			5 022
4	Cek No. 539801	1 180 ✓		3 842
5	Deposit		1 620 ✓	5 462
6	Cek No. 539800	950 X		4 512
9	Deposit		870 ✓	5 382
12	Dividen – Syarikat MXXB		1 320 X	6 702
15	Cek No. 539802	568 X		6 134
16	Cek No. 539799	622 X		5 512
18	Pindahan kredit – Kedai Sally		300 X	5 812
22	Cek No. 539803	400 ✓		5 412
25	Deposit		1 534 ✓	6 946
26	Buku cek	30 X		6 916
30	Cek No. 539804	908 ✓		6 008

Nota: Perkara yang bertanda X dalam Penyata Bank di atas adalah maklumat yang dijumpai berbeza dengan Buku Tunai.

Berikut adalah maklumat daripada Buku Tunai yang berbeza dengan Penyata Bank :

- Baki Akaun Bank di Buku Tunai pada 31 Ogos 2022 ialah RM3 698.
- Cek yang dikeluarkan untuk bulan Ogos bermula daripada nombor 539801.
- Cek yang belum dikemukakan bernilai RM2 000.
- Cek bernilai RM1 370 daripada Abu Enterprise didapati tidak laku.
- Cek bernombor 539802 yang dibayar kepada Pembekal Siti direkod sebagai RM658 dalam Buku Tunai.

**Anda dikehendaki menyediakan** Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Ogos 2022 tanpa mengemas kini Buku Tunai.

[8 markah]

6(a) Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Pluto yang mengeluarkan kasut sukan.

	RM
Kos Tetap	12 000
Kos Berubah seunit	2.00
Harga Jualan seunit	4.00

Dengan menggunakan kaedah graf, lakarkan :

- (a) Garisan Kos Tetap
- (b) Garisan Jumlah Hasil
- (c) Garisan Jumlah Kos
- (d) Titik Pulang Modal
- (e) Kawasan untung dan rugi pada graf Titik Pulang Modal (lorekkan)
- (f) Luas kawasan untung pada pengeluaran 10 000 unit

Nota: Gunakan kertas graf yang disediakan dalam Lampiran 1.

[10 markah]

6(b) Maklumat di bawah diambil daripada buku perniagaan Kedai Jambori pada 1 Januari 2022.

	RM
Kelengkapan	9 000
Inventori	13 000
Akaun Belum Terima	25 500
Akaun Belum Bayar	18 000
Tunai di tangan	1 550
Overdraf bank	1 250
Sewa belum bayar	500
Modal	?

Urus niaga sepanjang bulan Januari adalah seperti berikut:


2022

- Jan 3 Pemilik menjelaskan sewa belum bayar dengan tunai.
- 8 Beli kelengkapan baharu bernilai RM6 000 secara kredit.
- 10 Barang niaga berkos RM3 500 dijual dengan harga RM4 800. Cek yang diterima dibankkan.
- 14 Pemilik mengeluarkan sekeping cek bernilai RM1 500 untuk kegunaan peribadi.
- 25 Membeli barang niaga bernilai RM4 000 secara kredit dengan Syarikat Abbad.
- 28 Menerima tunai sebanyak RM1 300 daripada seorang pelanggan untuk menjelaskan hutangnya.
- 29 Jualan barang niaga berkos RM5 800 secara kredit pada harga RM9 500.

**Anda dikehendaki** menunjukkan kesan urusniaga di atas menggunakan jadual persamaan perakaunan di Lampiran 2.

[10 markah]

### KERTAS SOALAN TAMAT

**Lampiran 1**

## Lampiran 2

Tarikh	ASET					LIABILITI + EKUITI PEMILIK		
	Kelengkapan	Inventori	Akaun Belum Terima	Tunai	Bank	Sewa belum bayar	Akaun Belum Bayar	Modal
2022	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Jan. 1								
3								
8								
10								
14								
25								
28								
29								
Jumlah								